

# Jawapan Lengkap Cabarán KBAT

TINGKATAN 4

## BAB 4

### Soalan 1

Bantahan Raja-raja Melayu terhadap pelaksanaan Malayan Union perlu dihargai oleh kita. Hal ini kerana tindakan tersebut menzhirkan usaha untuk mempertahankan kedaulatan negara.

Tindakan tersebut juga menggambarkan keberanian dalam memperjuangkan kedaulatan tanah air dan membuktikan bahawa golongan raja mempunyai semangat jati diri yang tinggi dan berpandangan jauh.

*(Mana-mana jawapan munasabah diterima)  
(Maksimum = 4 markah)*

### Soalan 2

Perjuangan tersebut menunjukkan bahawa mereka mengutamakan kepentingan negara. Mereka juga berani dalam sebarang tindakan untuk mempertahankan kedaulatan tanah air.

Semangat patriotisme tersebut juga membuktikan kepada generasi hari ini tentang keperluan mengamalkan semangat kekitaan dalam kalangan masyarakat. Selain itu, semangat ini menggambarkan tentang kepentingan sikap bertanggungjawab dalam melakukan sebarang tindakan.

*(Mana-mana jawapan munasabah diterima)  
(Maksimum = 4 markah)*

### Soalan 3

Antara tindakan yang boleh diambil untuk mengekalkan pencapaian negara adalah dengan memperluas ilmu pengetahuan. Kita juga perlu berdaya saing dan produktif.

Kita perlu bersedia untuk berubah ke arah kebaikan. Selain itu, generasi hari ini juga perlulah mengekalkan taat setia kepada raja dan negara.

*(Mana-mana jawapan munasabah diterima)  
(Maksimum = 4 markah)*